



PELAJAR SM St Anthony Labuan teruja mengunjungi UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Pelajar SM St Anthony teruja lawat UMSKAL

UB 24.10.2014 87

LABUAN: Pelajar Sekolah Menengah St Anthony (SAS) teruja ketika mengadakan lawatan sambil belajar ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Kira-kira 70 pelajar Tingkatan Tiga yang baharu sahaja menduduki peperiksaan PT3 bukan sahaja diberi maklumat mengenai universiti itu tetapi juga merasai sendiri suasana sebenar sebuah institusi

pengajian tinggi awam (IPTA).

Penolong Pendaftar Pentadbiran, Sharon Tan berharap lawatan tersebut akan memberi inspirasi kepada pelajar SM St Anthony untuk terus gigih belajar sehingga mampu menjejakan kaki ke menara gading khususnya UMSKAL.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik berkata, UMSKAL sentiasa mengalu-alukan

kunjungan dari pelajar sekolah rendah dan menengah agar mereka berusaha lebih tekun untuk mencapai impian memasuki gedung ilmu itu.

Sementara itu, taklimat mengenai UMSKAL disampaikan oleh kakitangan Bahagian Pentadbiran, Atiqah Mustapa di Dewan Kuliah Podium.

Rombongan SM St Anthony itu diketuai oleh Verónica Peter Ballak yang mewakili Pengetuannya, Jirim Toysim.